

Takdir kaum Kaman



> Selepas nasib malang menimpa penduduk Rohingya, kini suku kaum Kaman pula menjadi mangsa perusuh Buddha

>>Susunan Nor Faizah Mohamed
faizah@hmetro.com.my

BIARPUN terkandas dengan bot kayu uzur di perairan berlumpur yang jauh dari kawasan mah, sekumpulan pelarian Muslim ini masih mampu mencertakan detik menakutkan yang melanda perkampungan mereka di pantai barat Myanmar.

Pada waktu petang yang sunyi, mereka diserang perusuh Buddha yang cuba mengusir penduduk Islam di bandar pelabuhan Kyaukphyu.

Suasana huru-hara dan pembunuhan tanpa henti berlaku sebelum keseluruhan keijiran di kawasan itu dibakar. Akhirnya, apa yang boleh mereka lakukan hanyalah melarikan diri.

Lalu mereka lari menyelamatkan diri dengan 70 hingga 80 bot nelayan yang memuatkan lebih 4,000 nyawa

merentasi lautan tanpa haluan.

Dalam saat mencemaskan itu, mereka masih sempat melihat dari jauh bandar kelahiran mereka biarpun asap berkepul-kepul memenuhi ruang angkasa dan pada masa sama, perusuh Buddha tidak henti-henti melemparkan damak besi ke perahu mereka.

Penghijrahan beramai-ramai pada 24 Oktober itu adalah sebahagian daripada serangan ke atas masyarakat Islam di barat Myanmar yang berlangsung sejak enam bulan lalu.

Apa yang bermula dengan siri pertempuran etnik Rakhine beragama Buddha ke atas masyarakat Rohingya iaitu golongan minoriti Islam di negara itu, nampaknya ia berkembang

menjadi sesuatu yang jauh lebih membimbangkan.

Penganut Buddha di seluruh rantau itu berusaha menyingkirkan umat Islam dengan menunjukkan kebencian serta melakukan keganasan agar penduduk Islam tidak kembali ke kawasan berkenaan.

> Lihat muka 11



Rusuhan di luar kawalan

Penduduk Buddha berusaha usir masyarakat Muslim dari Myanmar

Meskipun ramai masyarakat Rohingya hidup di kawasan itu sejak beberapa generasi, mereka dianggap pendatang haram dari Bangladesh dan dinafikan hak kewarganegaraan.

Dua rusuhan sama berlaku sebelum ini di bawah pemerintahan tentera terdahulu. Namun apa yang menyedihkan, ia kini berlaku pada saat Myanmar berdepan transformasi ke arah pentadbiran demokrasi.

Dua pemimpin reformasi, Presiden Thein Sein dan pemimpin pembangkang merangkap pemenang Anugerah Nobel Keamanan, Aung San Suu Kyi mengecam keganasan itu.

Bagaimanapun, tiada tindakan atau individu yang tampil mempertahankan Rohingya meskipun dua pertiga daripada 200,000 disahkan mati, 95 peratus daripada 115,000 melarikan diri dan 90 peratus daripada rumah mereka dimusnahkan berdasarkan statistik terkini kerajaan.

Kyaukphyu amat signifikan kerana penduduk yang melarikan diri itu termasuk daripada satu lagi golongan minoriti Islam dikenali Kaman yang mempunyai kewarganegaraan sah.

Bagi Myanmar, bandar itu ialah simbol harapan negara dalam usaha bangkit meningkatkan struktur ekonomi Asia. China membina pelabuhan

TERSADAI...penduduk Islam di barat Myanmar terpaksa melarikan diri selepas dihalau dan perkampungan mereka dibakar perusuh Buddha.



MUSNAH...antara tinggalan rumah penduduk Kaman yang rosak teruk di bandar Kyaukphyu selepas dibakar perusuh Buddha.



dipaksa kembali ke Myanmar oleh kerajaan Bangladesh.

Perkara sama berlaku pada 1991 apabila tentera Myanmar menghalau 250,000 penduduk Rohingya. Susulan kejadian keganasan pada Jun lalu, kumpulan sami Buddha menerbitkan amaran bertulis yang menentang urusan perniagaan dilakukan dengan Rohingya, malah melarang daripada bercakap dengan mereka.

sendiri di bandar itu, selain mempunyai terminal talian paip minyak.

"Kami tidak sangka ini akan berlaku. Kami tidak lagi rasa selamat di sini. Siapa kata kami tidak akan diserang lagi?" ujar Kyaw Thein, salah seorang masyarakat Kaman yang meninggalkan Kyaukphyu dan kini menjadi pelarian di kampung nelayan berhampiran Sin Thet Maw.

Pergolakan di daerah Rakhine pula tercetus selepas kejadian rogol dan pembunuhan wanita Buddha pada hujung Mei lalu, yang didakwa dilakukan tiga lelaki Rohingya.

Namun, krisis itu sebenarnya berpunca daripada perkara yang lebih rumit iaitu pertikaian ke atas umat Islam ketika mereka mula menetap di kawasan terbabit dan ada antara mereka layak menerima kewarganegaraan.

Penganut Buddha mengatakan masyarakat Muslim di sana adalah warga asing yang muncul untuk menakluk tanah air mereka dan menyebarkan agama Islam.

Golongan Muslim pula menegaskan mereka sudah lama menetap di situ secara sah tapi terpaksa hidup dalam keadaan diskriminasi.

Keadaan tambah buruk apabila meningkatnya pertumbuhan penduduk dan kumpulan hak asasi manusia

mengecam penganut Buddha di sana yang mengamalkan unsur perkauman terbuka ke atas Rohingya yang bersusur-galur dari Asia Selatan.

Masyarakat Kaman yang jumlahnya hanya sekitar puluhan ribu orang dikatakan berasal daripada golongan pamanah yang pernah menjaga Raja Mughal.

Bilangan masyarakat Rohingya pula mencecah 800,000 orang berdasarkan anggaran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Pada 1977 ketika masih di bawah pemerintahan tentera Myanmar, pihak berkuasa tempatan menyingkirkan 200,000 Rohingya ke Bangladesh yang menyaksikan 12,000 mati keburluran sementara sebahagiannya

SERBA KEKURANGAN...

segelintir golongan Kaman dan Rohingya dinafikan hak kewarganegaraan mereka.



PERIT... salah seorang penduduk Sittwe menunjukkan parut selepas ditetak perusuh ketika pergolakan melanda perkampungannya beberapa bulan lalu.

Masyarakat Rohingya di-pinggirkan daripada komuniti, selain tidak dibenarkan ke sekolah, pasar mahupun hospital. Pasukan keselamatan mengehadkan pergerakan mereka terutama di sekitar kem pelarian.

Kumpulan bantuan antarabangsa pula diancam agar tidak menyediakan bantuan untuk golongan ini.

Pada Oktober lalu, muncul kumpulan demonstrasi menentang rancangan Pertubuhan 57 Negara Persidangan Islam untuk menubuhkan pejabat perhubungan di Sittwe.

Dalam satu perarakan di Kyaukphyu, puluhan ribu penduduk keluar menentang rancangan itu.

Perhimpunan itu mencetuskan kebimbangan umat Islam yang masih berbaki 6,000 orang di pekan terbabit. Khabar angin mula tersebar akan berlaku gelombang serangan baru yang lebih kejam dan dahsyat.

Salah seorang wanita Islam, Yeak Thai Ma berkata, beberapa pegawai tempatan mula memberitahu penduduk Muslim bahawa tempat itu bukan lagi untuk mereka.